

01/09/1997

Presiden China utus tahniah

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden China, Jiang Zemin, mengutuskan ucapan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-40 hari ini.

Kedutaan China di sini berkata dalam satu kenyataan bahawa Jiang gembira menyaksikan pencapaian Malaysia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial selepas 40 tahun mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata, sejak bermulanya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, banyak kemajuan dicapai dalam kerjasama dua hala.

Perdana Menteri China Li Peng turut mengutuskan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Li Peng, yang membuat lawatan rasmi ke sini minggu lalu berkata, beliau yakin dengan kerjasama antara kedua-dua pihak, lebih banyak kemajuan akan dicapai dalam bidang ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi serta kebudayaan.

"Saya turut gembira melihat kejayaan negara anda dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial selepas 40 tahun merdeka," kata beliau kepada Dr Mahathir.

Naib Perdana Menteri China Qian Qichen turut mengutuskan ucapan serupa kepada rakan sejawatan beliau Datuk Seri Anwar Ibrahim. - Bernama

(END)